**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA JOHOR**
**BAHAGIAN KASTAM**
**UNIT KAWALAN AGEN**
**KARUNG BERKUNCI 780**
**80990 JOHOR BAHRU**

**DIIKTIRAF MS ISO 9001 : 2008**
Pengurusan Khidmat Sokongan Korporat Bagi Pelepasan Barangan Impost/Eksport Dari Kawalan Kastam dan Gudang Berlesen Melalui Mode Darat Dan Perkhidmatan Kawalan Keatas Kemudahan Perindustrian

Tel : 07-218 1666
Faks : 07-223 3395

Rujukan:KEJB(80.05)001/01KLT.8-AM-03/R4-(1)
Tarikh : 7 hb JUN 2011

Semua Syarikat Agen Penghantaran / Perkapalan

**PENGEMUKAAN DOKUMEN BERKAITAN PENGESAHAN ALAMAT PREMIS PERNIAGAAN SYARIKAT YANG INGIN MELANTIK AGEN PENGHANTARAN/PERKAPALAN MELALUI SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)**

Saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini bercadang untuk melaksanakan pengemukaan dokumen yang dapat mengesahkan kewujudan premis perniagaan bagi syarikat yang ingin melantik agen penghantaran/ perkapalan melalui Sistem Maklumat Kastam (SMK).

3. Sehubungan itu, bagi syarikat baru yang ingin melantik agen penghantaran/perkapalan melalui SMK adalah dikehendaki mengemukakan **Bil Api / Bil Air / Bil Telefon** atau lain-lain dokumen seperti **Perjanjian Penyewaan / gambar premis mulai 15.6.2011.**

4. Bagi syarikat yang tidak dapat mengemukakan sebarang dokumen bagi pengesahan kewujudan premis, penjelasan secara bertulis boleh dikemukakan bagi tujuan Jabatan mengkaji pelaksanaan cadangan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(SANTOKH SINGH A/L SURAT SINGH)**
Bahagian Kastam
b.p Pengarah Kastam Negeri
Johor

s.k 1. Pengerusi
Persatuan Penghantar Fret Johor (JOFFA)
- Pihak tuan adalah diminta untuk menyampaikan maklumat ini kepada ahli persatuan

2. Pengerusi
Persatuan Wakil - Perkapalan dan Penghantaran Pelabuhan Johor (JPFSA)
- Pihak tuan adalah diminta untuk menyampaikan maklumat ini kepada ahli persatuan